

RERAMA TERBANG RIANG DI ANGKA-SARAYA

Kini, dalam tahun 2000, kita berada dalam pusaran arus jagat yang baru. Pusaran ini semakin terasa ligat, kencang, seolah ribut dan taufan menggoncang. Ribut badai ini tidak menunjukkan tanda akan reda, berlalu dari pesisir pantai dan samudera Melayu yang tidak lagi tenang, malah sedang hebat bergelora, khususnya akibat pergolakan politik dalam negeri yang berat. Bagaimanakah keadaan dan pelayaran bahtera hidup kita mengharungi arus jagat baru ini?

Ada dua senario yang mungkin terjadi: Arus ini akan menjadi gelombang ganas

Bidang pengajian Melayu dan Indonesia telah dimulakan oleh para sarjana Eropah, khususnya Inggeris dan Belanda. Sehingga kini pun mereka masih menguasai bidang penelitian.

kan ilmu, KBE, ruang tebaran sosial, budaya, sastera kita akan dapat berkembang lebih luas, bergerak pantas dan meninggalkan dampak segera, tanpa diragui batasan sempadan geografi, sejarah, politik dan budaya.

Tentulah wajar kalau kita mengharapkan senario kedua. Soalnya apakah keperluan dan persediaan kita untuk merealisasi impian indah itu? Persediaan segera ialah langkah memecahkan kepompong emosi dan fikiran yang membendung kita selama ini. Kepompong sejarah ini haruslah

dimusnahkan dan ditanggalkan beberapa segera, supaya akan keluar rerama yang riang terbang di taman yang luas, bebas meneroka angkasaraya.¹⁰

Para sasterawan tidak mampu untuk mengenepikan kemahiran dan kesan yang ditimbulkan oleh teknologi internet yang kini sudah memasuki gelombang ketiganya. Dari segi sastera, bentuk, corak, cita-rasa khalayak sastera generasi internet dan mtv, dan generasi seterusnya sedang mengalami perubahan dan akan terus berubah. Teknologi IT ini samada dari segi penyelidikan, perkakasan, perisian dan applikasi perlu diketahui, mungkin kita wajar meneladani langkah yang dilakukan oleh Munsyi Abdullah yang bertindak secara proaktif terhadap ilmu teknologi percetakan dalam zamannya. Tetapi kita juga perlu sedari bahawa keagungan seseorang pengarang bukan terletak kepada kemahiran teknis sahaja, tetapi pada visi atau wawasan seni, keberanian intelektual dan bakat kreatifnya yang tinggi, dan semuanya perlu diadunpadu dengan ilmu, sikap positif dan usaha gigih.

MELUNGSUR OMBAK SASTERA DALAM JARINGAN ILMU

Selama ini rumpun Melayu begitu gigih mengukuhkan jalinan sosial melalui majlis-majlis pertemuan, persidangan, seminar, dialog dsb yang berterusan diadakan sepanjang ingatan sejarah kita bersama sehingga ikatan sosial telah dijalin agak padu. Cabaran selanjutnya ialah untuk menambah dan mencipta nilai baru (value-creation) dalam pertemuan dan ikatan sastera dan budaya kita ini. Ini dapat ditingkatkan dengan membina jalinan atau jaringan ilmu di kalangan rumpun Melayu-supaya kita bukan sahaja saling mengenali, malah saling mendalami, menjanai dan meningkatkan minda dan citra serumpun.

Untuk langkah awal, beberapa saranan berikut diusulkan untuk difikirkan

bersama. Para pemimpin sastera di Rumpun Melayu boleh mengadakan Program pembangunan sastera untuk jangkamasa panjang dan juga tindakan segera berikut:

- Program khas untuk memperkenalkan karya-karya dan tokoh-tokoh sastera agung dari rumpun Melayu kepada generasi muda Melayu dan juga kepada khalayak dunia.

Para sasterawan tidak mampu untuk mengenepikan kemahiran dan kesan yang ditimbulkan oleh teknologi internet yang kini sudah memasuki gelombang ketiganya. Dari segi sastera, bentuk, corak, cita-rasa khalayak sastera generasi internet dan mtv, dan generasi seterusnya sedang mengalami perubahan dan akan terus berubah.

dan cinta terhadap bahasa dan sastera Melayu.

- Program khas untuk mendalami sastera dunia, mungkin dalam Siri Penulis Agung Dunia.

- Perbincangan berfokus mengenai bidang-bidang ilmu sampingan, seperti sains hayat, psikologi dan falsafah tertentu, yang membantu pengarang membina visi dan wawasan sastera.

- Strategi dan rancangan bertindak yang menyeluruh untuk mengekalkan dan bahasa Melayu dapat terus aktif berfungsi di internet.

- Program pendidikan dan pemupukan minat dan bakat generasi pewaris dan pelapis bahasa dan sastera Melayu untuk terus yakin

- Pemantauan atau penelitian imej Melayu dalam sastera dunia serta menyiapkan strategi membina citra positif terdapat rumpun Melayu dan sastera dalam bahasa Melayu.

MENGUKIR AIR DI PESISIR

Sasterawan rumpun Melayu memerlukan perancangan dan program bertindak yang menyeluruh pada peringkat penciptaan (penulis) dan juga pada tahap penyebaran (khalayak). Ini memerlukan pelibatan penuh semua pihak yang terlibat dan berkepentingan. Malangnya kita tidak punya waktu untuk menunggu dan menyerah pada keadaan dan pasrah pada 'suratan'. Kita perlu semangat gagah untuk menongkah arus jagat dan kita boleh belajar dari reaksi dan tindakan yang telah diambil oleh para sasterawan besar kita dalam mengharungi gelombang sejarah.

Sastera Melayu telah membuktikan bahawa pada masa lalu rumpun Melayu bukan hanya mencintai dan yakin akan kemampuan dan keindahan bahasanya, bahkan terbukti mempunyai rasa tanggung jawab sosial yang kental, bersikap terbuka untuk kemajuan, memiliki visi dan keberanian intelektual yang hebat, sehingga dengan daya lentur dan bakat sintesis seni yang luar biasa, telah mewariskan kita barisan mutiara karya klasik yang mengandungi wawasan sejarah dan kehidupan yang tinggi dan dapat kita banggakan bersama.

Para sasterawan silam rumpun Melayu telah menjalankan tugas mereka dengan pencapaian yang gemilang. Kini adalah menjadi tugas dan tanggungjawab kita untuk meneruskan dayungan pena, menongkah arus deras zaman, badai kehidupan ganas, melungsur ombak sastera untuk mengukir citra indah bangsa dan manusia di perairan seni antarabangsa. Semoga cita dan usaha murni ini tidak akan terkandas dan lemas tenggelam di samudera maya, Insya-Allah. ■

MAHMUD AHMAD- Membongkar rahsia pengaryannya

Oleh: *Djamal Tukimin*



*Penulis ialah editor
eksekutif Sekata. Beliau kini
sedang menyiapkan
biografi ringkas dan ulasan
terhadap karya Mahmud Ahmad
yang bakal diterbitkan pada
hujung tahun ini.*

MENULIS riwayat hidup bagi orang yang sudah meninggal dunia bukanlah satu hal mudah.

Pertama sumber sahih diperlukan. Ia bukan saja untuk menyelaraskan atau mengimbangi fakta-fakta yang ada bagi din yang bersangkutan tetapi harus ada semacam pemeriksaan yang teliti. Misalnya, terdapat tulisan dan catatan bahawa seseorang itu pernah menjadi pengarang/penyunting dalam sebuah majalah (catatan ini ditulisnya sendiri) tetapi sewaktu mengadakan wawancara dengan beberapa orang sahabatnya ternyata beliau tidak pernah menjadi pengarang bagi majalah tersebut. Tidak sama sekali! Padahal dakwaan selama ini begitulah.

Kedua, dakwaan-dakwaan yang pernah dikutipnya dalam beberapa hasil karyanya baik merupakan kajian/esei mahupun karya kreatif yang pernah diterbitkan pula. Kutipan itu tidak pernah terjumpa walaupun setelah meneliti dengan cermat mengenai sumber karyanya itu. Hal ini tentulah memerlukan waktu yang cukup panjang. Tambahan pula, Singapura bukanlah merupakan pusat sumber yang lengkap, maka terpaksa pergi ke perpustakaan yang lebih lengkap terutama yang menyimpan khazanah kreatif Melayu.

Contohnya, Hikayat Tun Tuah (bukan Hang Tuah) yang pernah diterbitkan pada tahun 50-an untuk bacaan tambahan murid-murid sekolah rendah Melayu itu tidak diperolehi daripada koleksi perpustakaan Singapura atau di Malaysia. Ia bersumberkan kepada simpanan Muzium Jakarta. Malah banyak karya kreatif atau ilmiah tersimpan dan belum dibongkar di perpustakaan-perpustakaan universiti luar negara seperti Leiden, Belanda.

Mengenai kajian terhadap Mahmud Ahmad saya dapati

sebuah buku syair, Lahmuddin Menjual Ibu Bapanya. Saya tertanya-tanya apakah benar buku syair setebal 86 halaman tidak termasuk glosari setebal 12 halaman itu ditulis oleh Mahmud Ahmad?

Tetapi judul buku dan kredit nama pengarang pada subjudul berdasarkan Sha'er Johan dan Jalaluddin. Rasa ingin tahu itu mendorong saya melakukan pencarian yang luar biasa.

Bagi pengkaji apabila bahan yang dikehendaki tidak sulit untuk didapati sumbernya maka bukan main gembiranya, tetapi untuk pemeriksaan ulang semacam ini dan di akhirnya tidak menernukan sebarang hasil maka tentulah pekerjaan ini mengecewakan.

Kajian seperti ini tidaklah boleh dianggap sambil lewa saja, kerana kalau benar syair itu ditulis oleh pengarang Mahmud Ahmad sebagai karyanya "asli"nya tentulah saya akan menobatkannya sebagai penyair (pengarang syair) Singapura yang penting selepas karya Syair Kampung Gelam Terbakar tulisan Munshi Abdullah.

Untuk tujuan kajian saya telah meneliti lebih seratus buah syair yang terdapat di perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Saya telah meneliti tesis-tesis yang pernah ditulis untuk tujuan kajian sastera Melayu klasik dan juga melalui buku-buku yang memuatkan fragmen-fragmen syair yang pernah diterbitkan.

Sejauh ini saya dapat menyenaraikan sejumlah 122 buah judul syair yang pernah diterbitkan di alam Melayu ini. Sebanyak itu judul-judul syair yang sempat disenaraikan tidak terdapat sebuah pun syair dengan judul Sha'er Johan dan Jalaluddin yang menjadi dasar Sha'er Lahmuddin Menjual Ibu Bapanya karangan Mahmud Ahmad.

Memang, saya berhasrat untuk meneliti sekali lagi ke tempat-tempat tertentu

untuk mendapatkan dalil bahawa syair itu merupakan satu saduran dari bahasa bukan Melayu (Arab, misalnya) atau sebagai sebuah karya kreatif bukan Melayu tetapi memiliki ciri-ciri puisi lama seperti syair ini.

Ketiga, mengenai diri pengarang iaitu Mahmud Ahmad, saya dapati tersangat kurang seseorang menulis tentang beliau (bandingkan dengan sasterawan/penulis lain seperti Harun Aminurashid yang banyak sekali ditulis orang mengenai riwayat hidup dan analisis terhadap karya-karyanya).

Mahmud Ahmad disebut secara sepintas lalu dalam tulisan-tulisan yang menyentuh perkembangan dunia sastera Melayu sebelum perpisah Singapura dari Persekutuan Malaysia.

Sebelum itu, Mahmud Ahmad tidak muncul di mana-mana angkatan (bandingkan juga dengan kajian Hooykaas dalam Perintis Sastra yang memuatkan kedudukan Masuri SN dan Usman Awang sebagai sasterawan Melayu berbau dengan sasterawan-sasterawan Indonesia selepas Perang Dunia II).

***“Mengenai kajian
terhadap Mahmud Ahmad
saya dapati sebuah buku
syair, Lahmuddin Menjual
Ibu Bapanya. Saya
tertanya-tanya apakah benar
buku syair setebal
86 halaman tidak termasuk
glosari setebal 12 halaman
itu ditulis oleh
Mahmud Ahmad?”***

Beliau ditampilkan agak "serius" apabila Ismail Hussein (sekarang Tan Sri Datuk Prof. Emeritus dan juga Ketua Satu GAPENA) menulis latihan ilmiah (tesis) berjudul Pengarang Melayu Di-Singapura Sa-Lepas Perang Dunia II (1945 -1958) - Satu Pengkajian Tentang Latar Belakang Sosial dan Kesusasteraan Mereka yang diajukan untuk memenuhi keperluan kelulusan Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Singapura, 1959. Ismail dalam latihan ilmiah ini membahagikan tiga kelompok/angkatan sasterawan Melayu di Singapura seperti berikut:

Angkatan Lama

- 1 Ahmad Luthfi
- 2 Harun Aminurrashid
- 3 Mahmud Ahmad

Angkatan 50

- 4 Asraf
- 5 Asni
- 6 Awamil Serkarn
- 7 Hamzah
- 8 Jamil Sulong
- 9 Jimmy Asmara
- 10 KerisMas
- 11 Mas
- 12 Masuri SN
- 13 Rusmira(Rosmera)
- 14 Tongkat Warrant
- 15 WijayaMala

Angkatan Baharu

- 16 A. Samad Said
- 17 A.S.Amin
- 18 NoorS.I.
- 19 M.Ghazali
- 20 Salmi Manja

Sayangnya dalam membahagikan kelompok/angkatan ini, Ismail tidak

memberikan alasan-alasan atau menghuraikan-nya dengan lebih mendalam dan ilmiah. Baginya, pengelompokan semata-mata sebagai "takrif kerja" (working definition) untuk melanjutkan pembahasan latihan ilmiahnya mengenai latar belakang sosial dan kesusasteraan Melayu di Singapura.

Bak kata Tan Sri Ismail:

"Penggunaan istilah2 'Angkatan Lama ' dan 'Angkatan Baharu 'dan pembahagian pengarang2 ini dalam golongan tersebut adalah di-buat oleh penulis sendiri untuk memudahkan pembicaraan. Istilah 'Angkatan 50' telah luas di-pergunakan dalam kesusasteraan Melayu baharu. Di-dalam penggunaan yang lebeh umom pengarang2 yang di-masokkan dalam 'Angkatan Baharu ' di-sini ada-lah termasuk dalam 'Angkatan '50 '.

Saya berhasrat besar untuk membuat ulasan panjang mengenai pengelempokan ini. Tujuan saya ialah agar dapat meletakkan Mahmud Ahmad di jenjang sewajarnya dalam deretan pejuang bahasa dan sastera Melayu di Singapura. Selain itu, kajian begini turut mengembangkan pembahagian atau kekelompo-kan ini sebagai yang mendasari "periodisasi" dan "angkatan -sasterawan Melayu Singapura" dan peranan beliau dalam membangun dan membina sastera dalam hubungan dengan dunia serantau selepas Perang Dunia II.

Keempat, pembahasan karya-karya Mahmud Ahmad (selain syair yang lebih awal itu) meliputi juga novel dan novelet yang punya daya tariknya yang tersendiri. Misalnya novelet *Anak Perawan Di Tangan Lanun* yang diterbitkan oleh Geliga Limited, Singapura tahun 1959. Sekali imbas novelet ini mengingatkan kita kepada novel Sutan Takdir Alisyahbana (STA), *Anak Perawan Di Sarang Penyamun*

diterbitkan oleh Balai Pustaka tahun 1941. Satu novel lain yang diterbitkan pertama kali pada tahun 1932 oleh Balai Pustaka berjudul *Mencari Pencuri Anak Perawan* karya Suman HS juga ada "Anak Perawan" macam kedua-dua novel tersebut. Nampaknya ketiga novel ini macam sama saja bunyi judulnya. Ada penyamun. Ada lanun. Apa bedanya lanun dengan penyamun? Ada perawan dan tinggal bersama-sama lanun (dan penyamun?). Jadi, kita terpaksa membaca ketiga-tiganya kalau ingin mencari perbandingan



MAHMUD AHMAD lahir tahun 1906

untuk perbedaan atau persamaannya.

Tetapi ada satu hal yang menarik bahawa novel STA ini diterbitkan tahun 1941 tetapi sebelum itu dirnuatkan secara bersiri di dalam majalah *Peninjauan* tahun 1932 (?). Novel Suman HS pula diterbitkan pada 1932 dan pengarang ini dilahirkan pada tahun 1904 di Bengkalis. Sementara novelet Mahmud Ahmad ini diterbitkan tahun 1959 iaitu yang menurut penerbitnya novelet ini telah siap ditulis 20 tahun sebelum diterbitkan. Jadi, novelet Mahmud Ahmad itu telah ada sejak tahun 1939 lagi. Sesuatu yang patut dikaji untuk menentukan ketulenan kerja Mahmud Ahmad yang lahir tahun 1906 sementara STA lahir tahun 1908.

Demikian juga novel lain seperti Dr Tan yang memberikan gambaran konsep hidup berbilang kaum di kota kosmopolitan seperti Singapura patut diberikan perhatian. Walaupun gaya penulisan beliau tidaklah sekuat Keris Mas atau A Samad Said, tetapi kita boleh bertolak dari pelantar yang agak kuat dari sego aspek tema. Novel tematik semacam ini jarang timbul pada zaman Mahmud Ahmad. Sebaliknya zaman itu menampilkan banyak rakaman latar belakang sosial dan perubahan yang diperjuangkan oleh sasterawan waktu itu sebagaimana yang digambarkan Tan Sri Ismail dalam latihan ilmiahnya.

Mahmud Ahmad juga seorang penulis cerpen yang bagi saya harus dikaji agar dapat mengenai lebih dalam pemikirannya dalam menyelongkar masalah-masalah masyarakat dan bagaimana tanggungjawab seninya dalam menghuraikan dan memberi jalan keluarnya.

Sebagai penulis esei, Mahmud Ahmad juga cukup rajin mengupas soal perkembangan bahasa dan sastera. Sepanjang akhir 1950-an dan dalam tahun 60-an, Mahmud Ahmad

"merajai" ceramah-ceramah bahasa di Radio Singapura.

Kelima, daripada responden yang sempat saya wawancara itu terdapat dua orang yang agak menarik dan arif dalam banyak segi mengenai Mahmud Ahmad. Mereka ialah Haji Muhammad Ariff Ahmad (Mas) dan Tan Sri Abdul Samad Ismail.

Bagi saya jawaban, keterangan dan maklumat-maklumat yang diberikan oleh dua orang ini sudah "cukup" untuk saya menulis biografi ringkas Mahmud Ahmad.



SUTAN TAKDIR ALISYABANA lahir tahun 1908




SUMAN HS lahir tahun 1904

Sebahagian lagi responden yang sempat saya wawacarai, walaupun cukup lama bergaul, tetapi sering "lupa" dan tidak mampu mengungkapkan aspek tertentu dalam kehidupan Mahmud Ahmad.

Keenam, saya memandang serius akan novelet Anak Perawan Di Tangan Lanun (edisi Jawi). Selain akan membahasnya dalam bab tersendiri kajian ini, saya berhajat untuk memindahkannya dalam tulisan rumi untuk tujuan pembacaan seterusnya.

Sernua karya Mahmud Ahmada - dari syair yang ditulisnya sehingga novel, novelet, antologi cerpen, antologi esei bahasa dan budaya serta buku teks sekolah - telah memberikan suatu petanda tentang betapa pentingn Mahmud Ahmad dalam dunia sastera dan budaya Melayu Singapura!

Sesungguhnya perjalanan kajian saya masih jauh. Tetapi setelah memulakan kajian ini, walaupun pengumpulan bahan-bahan bercetak dan rakaman maklumat terasa amat payah sekali, terpapar kehebatan Mahmud Ahmad sebagai tokoh penting dunia persuratan Melayu rantau ini. ■



Nama penuh sdr/nama pena/tarikh dan tempat lahir/pekerjaan sekarang/status rumahtangga. Karya yang telah dihasilkan.

NAMA : Muhammad Salihin Bin Sulaiman Jeem

Nama Pena : al-lihin, lihin

Tarikh lahir : 8 Mac 1966

Tempat Lahir : Kampung Woodleigh, Singapura
Status : Sudah berumahtangga/ mempunyai dua orang puteri

Pelajaran : 'A' level, Mengikuti kursus penulisan secara koresponden dengan The Writing School. Cert in Business & Marketing (London)

Genre Penulisan : Cerpen, puisi, rencana, review buku/lukisan dan skrip drama

Anugerah : Cerpen 'Yang Mana Lama, Yang Mana Baru' mendapat hadiah penghargaan pada tahun 1995 dalam peraduan Pena Emas anjuran SPH/NAC.

Peringkat akhir dalam peraduan Pena Emas 1993.

Pada tahun 1999 menerbitkan antologi cerpen bersama ayah berjudul "Dari Dua Benua" terbitan ASAS50.

Penulisan sering terbit di Berita Harian/Minggu dan Majalah Perkahwinan.

Cerpen pernah muncul di majalah Dewan Sastera dan Pelita Bahasa.

Ditugaskan menjadi pemakalah dalam Dialog Selatan III pada Disember 2000. Dalam tahun 2000, menulis drama 13 episod berjudul "BISIKAN" dan Drama Al-Qisas di Warna 94.2.

Membantu Sharkz@Nury dalam penulisan skrip animasi Rakan3 untuk Suria. Membimbing pelajar rendah dan menengah dalam penulisan kreatif.



Lukisan:
Muhammad Salihin Bin
Sulaiman Jeem

Apakah yang mendorong sdr berkarya? Setakat mana kepuasan yang anda cerna daripada karya anda.

Sebenarnya, tiada siapa yang mendorong saya untuk berkarya. Sewaktu kecil, saya sering melihat ayah sibuk dengan mesin taip sewaktu berada di rumah. Tambahan lagi, banyak bahan-bahan bacaan yang dibawa ke rumah dan disitulah saya mula mengenal A Samad Said, Masuri SN, Pramoedya, Hamka, Usman Awang, Shahnnon Ahmad, Muhd Ariff Ahmad, A Samad Ismail dan banyak lagi penulis-penulis besar di rantau ini. Itulah kisah permulaan saya mengenal dan terjebak dalam dunia sastera. Tambahan lagi dengan ayah saya yang bekerja sebagai seorang wartawan pada waktu itu, saya sering seronok menyelak-nyelak akhbar Melayu untuk mencari bahan yang ditulis oleh ayah saya. Sebenarnya tidak terlintas untuk menjadi penulis, oleh kerana dunia dan suasana yang telah 'direka' oleh ayah, maka saya dengan secara sendirinya terpaut menjadi seorang penulis.

Sudahkah anda mencapai matlamat anda dalam berkarya? Siapakah yang menjadi contoh kepada anda dalam berkarya -- penulis watan dan luar negara.

Selagi saya belum menulis banyak novel dan produktif serta kreatif dalam bidang saya ceburi saya rasa matlamatnya belum tercapai lagi. Selagi pembaca belum meningkat untuk apresiasi sastera, saya rasa perjalanan saya sebagai penulis amatlah jauh. Penulis yang menjadi contoh dalam saya berkarya ialah sasterawan Shahnnon Ahmad, Mana Sikana, Anwar Ridhwan dan juga Mohd Latiff Mohamed. Penampilan atau approach yang mereka gunakan amat berbeza berbanding dengan penulis-penulis lain. Itu yang saya gemari, mempunyai satu penampilan yang agak berbeza berbanding dengan penulis-penulis lain. Kerana ia bukan saja akan menyegarkan dunia kesusasteraan, tetapi ia juga boleh membuat kita dan pembaca sentiasa berfikir.

Apakah kekurangan dalam sastera/persuratan Melayu setempat dan apakah yang perlu dilakukan dan mengapakah anda berfikir demikian.

Memang banyak kurangnya dalam dunia sastera setempat. Kalau mahu dibicarakan satu-persatu memang banyak. Namun kita tidak boleh menanganinya sendirian. Perlunya gabungan kolektif untuk menyemarakkan sastera kita. Perlunya sering mengadakan Sayembara membaca puisi, membaca sedutan cerpen, merancakan kritikan sastera dan juga cuba meningkatkan penjualan buku. Di mana-mana pun dalam penjualan buku sering tidak dapat tempat. Pesta dan peraduan membaca puisi dan juga mengaturkan program-program untuk pelajar-pelajar mengenali sastera. Ruang khas sastera dan budaya harus dikawal mutu dan isinya. Kalau selalu sangat asyik cerita fasal P Ramlee dan Hindustan, saya rasa sepuluh tahun akan datang pun sastera kita di taraf yang sama. Revolusi minda harus berlaku sekarang, jika tidak..... Setiap tahun kita membuat reviu, adakah apa yang ingin dicapai itu sudah meningkat ataupun masih ditahap rendah.


Setakat mana perkembangan perhubungan berbilang media mempunyai kesan ke atas sastera? Apakah sastera Melayu masih 'laris' dan mengapa anda berfikir demikian.

Setakat ini belum jelas bagaimana media telah memberi kesan ke atas sastera kita. Setakat menerbitkan sebuah novel ke TV saja tidak mencukupi. Kalau kita tinjau, acara puisi atau membaca sajak, kenapa tidak boleh diTV kan atau tetap untuk diRadio kan. Media adalah alat yang berkesan dan pantas dan mencakupi daerah yang amat luas. Tambahan lagi media akhbar juga perlu sering membuat liputan yang mendalam bukan setakat wartawan menghadiri diri satu majlis sastera dan menghilang sebelum majlis habis. Sebenarnya banyak pihak yang boleh membantu, oleh kerana nilai komersilnya rendah, maka sastera itu sentiasa di paras yang sama. Sastera kita belum 'laris' selagi kita tidak sama-sama melariskannya.

Apakah yang harus dilakukan oleh Majlis Bahasa dalam membina persuratan Melayu bagitahap selanjutnya.


Majlis Bahasa harus membuat satu perhimpunan yang dapat melakar arus persuratan kita. Setakat forum saja, belum terlerai isu-isu yang membelenggu sastera kita. Kalau sastera itu dijadikan bahan pelajaran dalam bahasa Melayu di peringkat menengah, maka saya rasa dalam jangkamasa yang panjang, sastera dapat disemai di kalangan murid-murid sekolah. Majlis Bahasa bukan setakat dibentuk untuk majlis hadiah sastera dan acara Bulan Bahasa sahaja. Selagi tiada badan yang tegas untuk membawa sastera ke sekolah menengah, lupakan saja perjuangan-perjuangan yang telah dibuat oleh sasterawan-sasterawa kita.

Wassalam. ■





Inilah antologi cerpen
Salihin yang pertama
bersama ayahnya
Sulaiman Jeem yang
juga terkenal sebagai
wartawan.

Buku ini jelas
menunjukkan betapa
dua benua, dua dunia,
dua pemikiran, dua ufuk
wawasan, yang mahu
digarap dengan kekuatan
masing-masing.
Ya, tentunya berbeda...



Deeper Bonding Through Language Culture hasil karya Tumadi Patri

Penyumbang seni lukis:
Tumadi Patri (kiri) terkenal
sebagai pelukis berbakat
dari generasi muda
Melayu di Singapura.
Sementara **Saiman Ismail**
(lukisannya di muka depan
dan belakang) kelulusan
Nanyang Fine Art dan sebagai
Setiausaha Agung, Apad
turut mewarnakan
perkembangan seni lukis Melayu





Bicara Hati hasil karya Saiman Ismail

**FALSAFAH PUISI RINDU BUAT ISTERI
SEUSAI SOLAT MALAM
KETIKA MALAM SELEPAS HUJAN LEBAT
TANPA BULAN TANPA BINTANG, SEPI**

Kita mengemas impian, semahu-mahunya
Kita meramas kesetiaan, semesra-mesranya
Kita menjalani kebahagiaan, seria-rianya
Kita menjahit kebencian, seduka-dukanya
Kita menganyam kenangan, semanis-manisnya
Kita mencarum amal, semakna-maknanya
Kita menjaga keimanan, seridha-ridhanya
Kita mencari syurga, sedaya-dayanya
Kita saling rindu-merindu, semalam-malamnya
Kita menggapai jihad asmara-Mu, setulus-tulusnya
Kita memuncakkan cinta-Mu, segala-galanya

DJAMAL TUKIMIN
Yishun, 29 Mac 2000